

Pergolakan dalaman punca

Oleh WAN RAMLI WAN MUHAMAD
dan KAMARUDDIN HAMZAH

**Kekalahan itu mungkin berlaku kerana adanya sedikit
sebanyak pergolakan tetapi ia mungkin lahir daripada
rentetan kawasan tersebut yang tidak diberi perkhidmatan
lebih baik oleh wakil rakyat sebelumnya**

IDRIS JUSOH
Pengerusi Badan
Perhubungan
UMNO Negeri
Terengganu

BESUT 9 Mac – Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Seri Idris Jusoh tidak menolak kemungkinan pergolakan dalaman yang berlaku dalam parti di Terengganu menjadi salah satu punca beberapa calon Barisan Nasional (BN) tewas dalam Pilihan Raya Umum ke-12.

Beliau berkata, kekalahan itu mungkin berlaku kerana adanya sedikit sebanyak pergolakan tetapi ia mungkin lahir daripada rentetan kawasan tersebut yang tidak diberi perkhidmatan lebih baik oleh wakil rakyat sebelumnya.

“Itu adalah antara beberapa kemungkinan tetapi kekalahan itu mungkin juga kerana senario yang berlaku di peringkat Persekutuan mempengaruhi gaya pengundi di sini tetapi kita perlulah membuat kajian secara lebih teliti mengapa ia berlaku.

“Dan masih terlalu awal untuk dibuat dianalisis kerana kekalahan itu tidak menyeluruh, ada kawasan kalah dan ada yang menang,” katanya sebagai mengulas keputusan Pilihan

Raya Umum ke-12 di kediamannya di sini, pagi tadi.

Barisan Nasional (BN) berjaya membentuk kerajaan di Terengganu apabila mengekalkan penguasaan dua pertiga majoriti dengan memenangi 24 daripada 32 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dipertandingkan.

Mengulas lanjut Idris berkata, kekalahan beberapa calon BN bukanlah bererti rakyat di negeri itu menolak terhadap calon-calon baru yang diperkenalkan kerana ada juga calon baru ditampilkan memperoleh kemenangan dengan lebih cemerlang.

Beliau memberi contoh Mohammad Pehimi Yusof (BN-Kota Putera) dan Dr. Abdul Rahman Mokhtar (BN-Kuala Besut) memperoleh kemenangan yang membanggakan dengan jumlah undi lebih besar walaupun mereka kali pertama diperkenalkan.

“Jadi bukan semua muka baru

yang ditolak... ada juga yang diterima, jadi kita tidak boleh membuat pengukuran secara umum dengan mengatakan pengenalan calon baru menjadi punca kekalahan calon BN di Terengganu,” katanya.

Mengenai keazamannya selepas membentuk kerajaan baru Idris berkata, beliau berikrar akan meneruskan kesinambungan pembangunan untuk rakyat dalam fasa kedua yang lebih menjurus ke arah mengubah minda dan pemikiran rakyat.

“Dalam fasa kedua ini kita akan berusaha mengubah pemikiran rakyat agar mereka lebih berfikiran terbuka serta memahami peranan rakyat dan kerajaan dalam menjayakan proses pembangunan.

“Lantaran itulah kita akan memberikan penekanan terhadap pusat minda untuk melahirkan generasi Terengganu yang lebih terbuka dengan kata lain mereka mengetahui

proses pembangunan yang dibuat benar-benar memberi manfaat kepada rakyat manakala rakyat pula memberikan sumbangan dalam menjayakan pembangunan,” katanya lagi.

Mengulas kejadian keganasan yang membabitkan penyokong Pas di Rusila, Marang, beliau berkata, kerajaan BN akan menghantar petisyen kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya demokrasi di negeri ini terus hidup subur.

Katanya, dalam kejadian yang malukan itu terdapat mereka tidak bertanggungjawab mengutip kad pengenalan pengundi, menghalang mereka mengundi dan merosakkan kenderaan awam.

“Dalam mengemukakan petisyen ini, SPR memang ada jangka masa dan kita akan hantar... itu yang kita nampak secara jelas bagi memastikan demokrasi terus hidup subur,” katanya.

calon tewas?



MOHAMMAD PEHIMI YUSOF



ABDUL RAHMAN MOKHTAR

Idris menegaskan demokrasi sememangnya hidup subur di negara ini kerana jika tidak kenapa banyak parti pembangkang menang banyak kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dalam Pilihan Raya Umum ke-12?

Katanya, walaupun demokrasi hidup subur, tetapi parti pembangkang masih membuat beberapa kenyataan yang bukan-bukan terhadap sistem demokrasi sedangkan dalam waktu yang sama mereka memperoleh nikmat daripada demokrasi itu sendiri.